

NO SOALAN :40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.04.2018

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) apakah pendirian Kerajaan terhadap pendedahan Pengarah Rangkaian Pasaraya Mydin yang rakyat negara ini tidak mampu mempunyai wang untuk berbelanja di hypermarket sedangkan Kerajaan mendakwa nilai pertumbuhan KDNK adalah tinggi; dan

(b) adakah pengucupan kadar perbelian dan penjualan di hypermarket itu juga ada kaitan dengan bebanan GST yang rakyat tanggung kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.9 peratus pada 2017 berbanding 4.2 peratus pada 2016. Perkembangan ini didorong oleh permintaan domestik terutamanya penggunaan swasta yang meningkat sebanyak 7 peratus pada 2017 serta menyumbang 53.7 peratus kepada KDNK. Pencapaian ini berikutan kestabilan pasaran buruh, pendapatan eksport lebih tinggi dan inflasi terkawal dalam persekitaran kadar faedah rendah. Kadar pengangguran berada pada 3.4 peratus pada suku keempat 2017 dengan tambahan guna tenaga seramai 300,000 orang dalam tempoh setahun. Pada masa yang sama kadar gaji dan upah bagi sektor pembuatan telah meningkat sebanyak 8.6 peratus (2016: 6.2 peratus). Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 pula menunjukkan median pendapatan bulanan isi rumah mencatat peningkatan kepada RM5,228 pada 2016 berbanding RM2,841 pada 2009. Berdasarkan KDNK dari segi Kaedah Pendapatan pula, sumbangan pampasan pekerja (merangkumi gaji dan upah) kepada ekonomi Malaysia pada tahun 2016 meningkat kepada 35.3 peratus berbanding 31.7 peratus pada 2010. Kesemua ini adalah petunjuk bahawa kedudukan kewangan rakyat secara keseluruhannya semakin bertambah baik.

2. Sejalan dengan peningkatan pendapatan, permintaan terhadap sektor perkhidmatan juga turut meningkat, terutamanya dalam

subsektor perdagangan borong dan runcit yang menyumbang 27.7 peratus kepada sektor perkhidmatan dan berkembang 7.1 peratus pada 2017 (2016: 6.2 peratus) terutamanya disokong oleh aktiviti runcit yang tinggi iaitu 9.4 peratus didorong oleh peningkatan jualan runcit di kedai pasar raya dan kedai khusus yang menjual barangan lain. Selain itu, subsektor makanan & minuman dan penginapan turut meningkat kepada 7.4 peratus pada tahun yang sama. Ini menggambarkan aktiviti perdagangan borong dan runcit yang rancak dalam pertumbuhan ekonomi yang kukuh.

3. Walau bagaimanapun, sesetengah pasar raya berdepan jualan perlahan berikutan peningkatan kedai bukan pengkhususan termasuk pasar raya kepada 73,848 pada 2017 berbanding 66,920 premis pada tahun sebelumnya. Ini membolehkan pengguna mempunyai lebih pilihan untuk membeli. Selain itu, transaksi e-dagang yang merangkumi perniagaan kepada pengguna adalah bernilai 73.7 bilion ringgit dan angka ini terus meningkat setiap tahun menunjukkan trend pembelian pengguna yang beralih daripada kedai fizikal kepada dalam talian.

4. Aktiviti perbelanjaan pengguna yang cergas ini selaras dengan Indeks Sentimen Pengguna MIER yang bertambah baik kepada 82.6

mata pada suku keempat 2017 berbanding 69.8 mata pada suku keempat 2016 yang menggambarkan sentimen pengguna lebih optimis. Selain itu, penunjuk penggunaan utama seperti jumlah pinjaman yang dikeluarkan bagi tujuan penggunaan kembali pulih 5.6 peratus pada 2017 berbanding -2.1 peratus pada 2016. Tambahan pula, import barangan penggunaan yang kekal positif pada kadar 6.1 peratus turut menggambarkan kecenderungan perbelanjaan pengguna yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua,

5. GST telah diperkenalkan mulai 1 April 2015 dengan objektif untuk memperluaskan sumber pendapatan Kerajaan dan meningkatkan kecekapan sistem percukaian. Tindakan tersebut adalah tepat pada masanya kerana harga petroleum mula merosot dan telah menjejaskan sumber pendapatan berasaskan petroleum. Kadar GST yang diperkenalkan adalah antara yang terendah di dunia iaitu 6 peratus dan sehingga kini 160 buah negara telah mengamalkan GST. Pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan berada di bawah kategori pembekalan berkadar sifar GST termasuk ubat-ubatan dan makanan asas. Manakala perniagaan dan perkhidmatan berada di bawah kategori dikecualikan GST seperti tol

lebuh raya, perkhidmatan pendidikan dan bangunan kediaman. Kategori ini bertujuan membantu meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana bagi membeli barangan keperluan harian.

6. Antara inisiatif lain yang telah dilaksanakan adalah penambahbaikan gaji minimum bagi menjamin rakyat dapat memenuhi keperluan asas dan melaksanakan subsidi yang lebih bersasar melalui pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi membantu meringankan beban hidup rakyat yang berpendapatan rendah. Menerusi Bajet 2018, seramai 7 juta penerima dengan peruntukan 6.8 bilion ringgit mendapat manfaat daripada BR1M. Kerajaan juga memberi pengurangan kadar cukai pendapatan individu pemastautin sebanyak dua mata peratusan bagi banjaran pendapatan bercukai antara 20 ribu hingga 70 ribu ringgit untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Selain itu, Kerajaan juga mengambil langkah memastikan harga barangan dan perkhidmatan yang berpatutan disediakan kepada rakyat, antaranya seperti menyediakan Kedai Rakyat 1Malaysia yang menjual barangan dengan harga 15 peratus hingga 30 peratus lebih murah daripada harga runcit biasa, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Bagi meningkatkan pendapatan rakyat, pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula ditawarkan untuk membangunkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran bagi meningkatkan produktiviti dengan bayaran gaji dan upah yang lebih tinggi. Pelbagai kemudahan pembiayaan turut ditawarkan untuk menggalakkan para belia dan wanita menceburi bidang keusahawanan supaya mereka mampu meraih pendapatan perniagaan. Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan program seperti eRezeki, eUsahawan dan ePanggilan bagi membantu meningkatkan pendapatan boleh guna isi rumah, seterusnya meningkatkan perbelanjaan pengguna. Langkah ini menggambarkan komitmen Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin dan membantu merencanakan aktiviti perdagangan dalam usaha mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.